



# LAPORAN TAHUNAN 2019

Kolej Komuniti Sungai Petani

### ALUAN PENGARAH



Assalamualaikum dan salam hormat

Syukur ke hadrat Allah atas limpah kurnia-NYA , buku Laporan Tahunan 2019 bagi Kolej Komuniti Sungai Petani dapat diterbitkan.Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jawatankuasa penerbitan yang bersama-sama berganding bahu menjana idea demi merealisasikan buku laporan ini.

Kesungguhan warga KKSP dalam menjayakan semua aktiviti – aktiviti kolej sepanjang tahun telah diabadikan dalam laporan ini.Semoga kejayaan-kejayaan dan peristiwa bersejarah ini mampu menjadi memori terindah untuk semua.

Akhir kata saya mendoakan semoga KKSP terus cemerlang dan gemilang dalam semua perkara yang dirancang.



# SIDANG REDAKSI



## **PENGERUSI**

PUAN NAJMIAH BINTI HJ ABDULLAH

## **TIMBALAN PENGERUSI**

PUAN NOR ZALINA BINTI MOHD YUSOF

## **KETUA EDITOR**

FARIDAH HANIM ABDUL GHANI

## **KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI**

## **WARTAWAN**

DR REEZLIN BIN ABDUL RAHMAN

PUAN SITI SALMAH BINTI MOHD PILUS

ENCIK HAFIZOL BIN ABU HASSAN

PUAN HANISAH BINTI AHMAD

PUAN DAYANG SUHAILA BINTI AB RAHIM

PUAN WAN ZUNAIDA BINTI WAN IBRAHIM

PUAN NOORZILAWATI BINTI KHALID

PUAN NORASHIKIN BINTI ABDULLAH

ENCIK MOHD SHAHAR BIN HARUN

PUAN SYAZWANI BINTI AHMAD

PUAN NORJAINAH BINTI MOHD YUSOP

PUAN NORLI BINTI MAT NOH

PUAN SITI NORZIHA BINTI JAMALUDDIN

PUAN NORHAYATI BINTI NAZORI

PUAN YUHANIZA BINTI YUSOF

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
MISI & VISI	5
TERAS STRATEGIK	6
MATLAMAT	7
PIAGAM PELANGGAN	8
PENGURUSAN TERTINGGI	9
CARTA ORGANISASI	10
STAF & PENSYARAH	11
AKTIVITI & PROGRAM KKSP	12-30
TADBIR URUS	31-34
PENGURUSAN KUALITI	35-39
LATIHAN PEMBANGUNAN STAF	40-53
PEMBENTANGAN & INOVASI	54-63
KKSP DI ARENA ANTARABANGSA	64-70
PENGURUSAN PENTADBIRAN	71-75
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	76-95
GRADUAN HOLISTIK	96-99
KEBOLEHPASARAN GRADUAN	100-102
PENGHARGAAN	103-107
PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN	108-119
AKTIVITI PELAJAR@KKSP	120-156
STAKEHOLDER	157-158
KKSP DI MEDIA	159-163





# VISI & MISI

## VISI

**MENJADI PENERAJU  
INSTITUSI TVET  
YANG UNGGUL**



## MISI

**MENYEDIAKAN AKSES YANG MELUAS KEPADA PROGRAM TVET BERKUALITI  
DAN DIKTIRAF**

**MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

**MELAHIRKAN GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN  
DAN SEIMBANG**

**MEMANFAATKAN SEPENUHNYA PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK  
BERKEPENTINGAN**



# TERAS STRATEGIK

Politeknik dan Kolej Komuniti berhasrat menjadi peneraju institusi TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Berdasarkan keperluan masa kini, ENAM (6) teras strategik telah dibangunkan dan setiap satunya memfokuskan kepada aspek-aspek yang telah dikenal pasti sebagai elemen penting dalam konteks Pendidikan Tinggi Negara. Teras strategik merupakan asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan visi, misi dan hala tuju organisasi. Ia berperanan untuk mengemudi Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

## TERAS STRATEGIK



**1**  
MENGHASILKAN  
GRADUAN  
TVET  
BERKUALITI



**2**  
MEMANTAPKAN  
GOVERNAN YANG  
RESPONSIF  
DAN MAMPAN



**3**  
MEMPERKAYA  
BAKAT



**4**  
MENERAJUI  
SISTEM  
PENDIDIKAN  
MELALUI  
TVET4.0



**5**  
MEMPERKUKUH  
KOLABORASI  
INDUSTRI DAN  
KOMUNITI



**6**  
MEMBUDAYA  
PENYELIDIKAN  
GUNAAN DAN  
INOVASI





# MATLAMAT



## MATLAMAT PENDIDIKAN

Menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara.



## MATLAMAT ORGANISASI



- ⚙ Menghasilkan graduan TVET yang diyakini dan menjadi rebutan majikan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara ;
- ⚙ Mengukuhkan kerelevanan dan koresponsifan program pengajian di institusi untuk memenuhi keperluan industri;
- ⚙ Melahirkan warga sejagat ke arah keharmonian serta kemakmuran global.







# PIAGAM PELANGGAN



## PIAGAM PELANGGAN

JPPKK beriltizam untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, beretika, profesional, cekap dan mesra dengan memastikan institusi di bawah kuasanya :

1. menyediakan program pengajian yang mendapat akreditasi daripada MQA atau badan-badan profesional yang berkaitan;
2. memproses pengambilan pelajar ke politeknik dan kolej komuniti mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan serta memaklumkan keputusan kemasukan dalam **DUA PULUH (20)** hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan;
3. melaksanakan bayaran bantuan kewangan dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja selepas keputusan diumumkan kepada pelajar yang layak; dan
4. memaklumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja selepas semester pengajian berakhir.





# PENGURUSAN TERTINGGI



**NOR ZALINA MOHD YUSOF**

Timbalan Pengarah  
(Pengurusan)



**NAJMIAH HJ ABDULLAH**

Pengarah




**ROAZAM AHMAD**

Timbalan Pengarah  
(Akademik)



# CARTA ORGANISASI



68

PENGURUSAN & AKADEMIK

21

PENTADBIRAN

STAF &  
PENSYARAH



# AKTIVITI & PROGRAM @KKSP





# AKTIVITI @ KKSP

## KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI (KKSP)

27-28 JANUARI 2019 | KKSP

Kelas SKU4B telah mengadakan Kejohanan Badminton Tertutup Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) bagi memenuhi keperluan Kursus Kokurikulum Sukan Sesi Disember 2018 (Disember 2018 hingga April 2019).

Selain itu, kejohanan ini turut memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam menguruskan Kejohanan Sukan.



**Sesi Bergambar Pemenang Acara Beregu Lelaki**

# AKTIVITI @ KKSP

## KARNIVAL SUKAN KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI 2019

← 19-20 FEBRUARI 2019 | KKSP

Karnival Sukan Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) merupakan anjuran kali ke-3 yang bertujuan untuk memberi ruang serta peluang kepada warga KKSP terlibat secara aktif dalam sukan. Pelbagai aktiviti yang dipertandingkan antaranya Fun Run, Badminton, Bola Jaring, Petanque dan Futsal. Lebih 600 orang peserta yang terlibat dalam menjayakan karnival ini. Tahniah diucapkan kepada pasukan Rumah Kuning yang berjaya mengekalkan kejuaraan dua tahun berturut – turut.



**Antara peserta yang berjaya menamatkan larian**





# AKTIVITI /PROGRAM



## HARI INOVASI KKSP 2019



31 JANUARI 2019 | KKSP

Program Hari Inovasi KKSP 2019 telah berlangsung pada 31 Januari 2019. Pertandingan ini telah disertai oleh pelajar pelbagai program seperti Sijil Kulineri, Sijil Operasi Perhotelan, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Terapi Kecantikan dan Diploma Terapi Kecantikan.

Pertandingan ini telah diadili oleh juri profesional daripada UNIMAP.



# AKTIVITI @ KKSP

## PROMOSI KKSP SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2018

14 MAC 2019 | 30 SEKOLAH SEKITAR SUNGAI PETANI



Terima kasih kepada semua pensyarah yang bersama-sama menjalankan promosi ke 30 sekolah-sekolah terpilih sekitar Sungai Petani sempena pengumuman keputusan SPM 2018.

Jadikan KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI sebagai institusi untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran.







# MELARIK BINTANG 19



MELARIK BINTANG@KKSP-TVET Pemangkin Kehidupan. Program ini telah diadakan dengan jayanya pada 26 - 28 Julai di KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI.

Pelbagai kursus pendek dengan bayaran yang minima serta pertandingan masakan yang mendapat kelolaan dari PERSATUAN JURUKULINARI KEDAH dan turut mendapat tajaan dari Nestle Profesional, MAGGI Profesional dan PRODIRECT Sdn Bhd.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB Dr Salmee Binti Said, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah dan seterusnya menyampaikan hadiah utama kepada RAJA GULAI KAWAH yang merupakan acara kemuncak dalam pertandingan ini.



# MELARIK BINTANG 19





# MELARIK BINTANG 19







# AKTIVITI /PROGRAM



## JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP

9 OKTOBER | AMANJAYA MALL







# AKTIVITI /PROGRAM



## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 2 BEDONG, GUAR CEMPEDAK DAN KOODIANG

15 NOVEMBER | SEKITAR NEGERI KEDAH





# AKTIVITI / PROGRAM

## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 3

29 NOVEMBER | AMANJAYA MALL







# AKTIVITI /PROGRAM



## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 4

29 NOVEMBER | PASAR NAT PENDANG







# AKTIVITI /PROGRAM



## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 5

30 NOVEMBER | PERSIARAN AMANJAYA MALL





# PROMOSI SKR

## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 6

30 NOVEMBER | PASAR PENDANG





# PROMOSI SKR

## PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 6

30 NOVEMBER | PASAR PENDANG





# PROMOSI SKR

PROMOSI JOM BELAJAR AUTOMOTIF DI KKSP SIRI 7

13 DISEMBERI TIKAM BATU







# PROMOSI PELAJAR



## PROMOSI KEMASUKAN PELAJAR PENDIDIKAN KHAS

30 JUN | SMPKV MERBOK

← Pameran sempena Majlis Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia Sek. Men. Pendidikan Khas Merbok pada 30 Jun 2019.



Oii Li Chard merupakan salah seorang pelajar yang berkonvo pada hari ini. Kini beliau sedang mengikuti Sijil Asas Pastrri (Pendidikan Khas) di KKSP.





# PROMOSI PELAJAR



## KARNIVAL KERJAYA & KEUSAHAWANAN INSAN ISTIMEWA (OKU)

22 SEPT | SMPKV MERBOK

---

YB Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Insan Istimewa (OKU) bertempat di SM Pendidikan Khas Vokasional Merbok.

Program ini adalah kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia sebagai pendedahan kepada golongan istimewa ini terhadap cabaran dan kerjaya sebenar selepas tamat pengajian.

Kolej Komuniti Sungai Petani turut hadir memeriahkan karnival dengan mengetengahkan pelajar-pelajar Sijil Asas Pastri (Pendidikan Khas).



# PROMOSI PELAJAR



## KARNIVAL KERJAYA & KEUSAHAWANAN INSAN ISTIMEWA (OKU)

22 SEPT | SMPKV MERBOK



# TADBIR URUS





# AUDIT DALAMAN PROGRAM SIJIL KULINARI DAN SIJIL OPERASI PERHOTELAN (HOSPITALITI)

## 18 – 19 MAC 2019

KKSP telah menjemput Panel MQA iaitu Dr Nor Hairul bin Palal selaku Ketua Jabatan Teknologi Kimia dan Makanan, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Pagoh Johor. Slot pada kedua-dua hari tersebut dimulakan dengan sesi perkongsian berkenaan dengan persediaan Audit Dalaman dan Laporan Penilaian Kendiri serta Audit Dalaman bagi Program Sijil Kulinari dan Sijil Operasi Perhotelan.

Setelah selesai proses audit, Pengarah KKSP telah melantik Dr Hairul bin Palal sebagai Penasihat Luar (External Advisor) bagi tujuan membantu KKSP dalam proses penambahbaikan pelaksanaan program Sijil Kulinari dan Operasi Perhotelan.





# AUDIT DALAMAN MQA PROGRAM SIJIL KENDERAAN RINGAN DAN SIJIL KECANTIKAN

18 – 19 MAC 2019

Audit Dalaman adalah satu proses jaminan kualiti bagi memastikan program akademik yang ditawarkan kekal relevan, dinamik dan berdaya saing. Proses ini adalah bersifat kitaran dan melibatkan dua aktiviti utama iaitu pemantauan pelaksanaan program dan semakan kurikulum program yang perlu dilaksanakan secara sistematik. Aktiviti ini turut melibatkan Pelaporan Penilaian Kendiri, Laporan Pemeriksa Luar yang akan digunakan dalam membuat keputusan tentang pelaksanaan Program STK dan SKR.

Panel yang telah dijemput untuk mengaudit Program STK ialah Pn Anis binti Zakaria, Pensyarah di Jabatan Sains Teknikal UPM yang juga merupakan Panel Iantikan MQA. Manakala Panel Jemputan untuk mengaudit Program SKR ialah Encik Ahmad Suhaimi bin Arshad, Pensyarah Unit Automotif Politeknik Kota Bharu.

Setelah selesai proses audit, Pengarah KKSP telah melantik kedua-dua panel jemputan ini sebagai Penasihat Luar (External Advisor) bagi tujuan membantu KKSP dalam proses penambahbaikan pelaksanaan program STK dan SKR.



# AUDIT DALAMAN

## AUDIT KEWANGAN

Audit Dalam KKSP telah menjalankan sesi pengauditan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada 25 Ogos 2019 dan 18 Disember 2019. Setiap sesi pengauditan akan mengambil lebih kurang 1 minggu untuk menyemak secara rawak dengan cara mengambil sampel untuk diaudit.

Aspek pengauditan meliputi

- Kawalan Pengurusan
- Kawalan Baget
- Kawalan Terimaan
- Kawalan Perolehan
- Kawalan Perbelanjaan
- Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah / Akaun Amanah Dan Deposit
- Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor Kerajaan
- Pengurusan Kenderaan



Sesi Pengauditan

# PENGURUSAN KUALITI





# BENGKEL PENYEDIAAN MYPORTFOLIO

INTURA | 4 FEB 19

Bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (INTURA) , Sungai Petani pada 4 Februari 2019 telah diadakan Bengkel Penyediaan MyPortfolio.

Bengkel ini telah menghimpunan seramai lebih kurang 35 anggota yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP), pegawai lantikan waran dan staf sokongan anggota setiap unit untuk membincang dan merangka tugas serta fungsi setiap unit atau bahagian di KKSP.

Melalui bengkel ini juga mereka yang terlibat akan mempelajari fungsi, tugas, peranan, tanggungjawab dan penyediaan MyPortfolio setiap unit atau bahagian. Bengkel tersebut telah diberi tunjuk ajar, taklimat dan penerangan oleh pegawai INTURA.





# BENGGKEL MODERASI

## KKSP I 12 FEBRUARI 19

Pelaksanaan Moderasi dijalankan bagi tujuan mewujudkan keseragaman dalam melaksanakan pemeriksaan skrip jawapan bagi kursus yang melaksanakan Penilaian Berterusan (PB). Ini adalah proses jaminan kualiti untuk memastikan prosedur dan penilaian hasil pembelajaran bersifat sah, boleh dipercayai, adil, bersesuaian, fleksibel serta selari dengan piawaian, prinsip dan etika penilaian.

Fail Kursus pula diwujudkan agar menjadi panduan kepada semua pensyarah dalam penyediaan dokumen yang berkaitan dengan proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) supaya selari dengan Garis Panduan yang dikehendaki oleh pihak JPPKK dan MQA. Justeru, bengkel ini dijalankan untuk memberi kefahaman kepada semua pensyarah berkaitan prinsip tersebut. Bengkel ini disampaikan oleh En Nazihan selaku Ketua Unit Akademik bertempat di Makmal Bahasa.



# PEMBENTANGAN MYPORTFOLIO, MQA DAN MODERASI PADA SEMINAR AKADEMIK 2019

THE JERAI HOTEL | 28-29MAC 19

Pembangunan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan satu usaha berterusan dan dinamik. Ia memerlukan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan bidang ini terus berkembang dengan inovasi terbaru yang relevan dengan kepelbagaian kepakaran. Kelebihan dalam kepelbagaian teknik P&P ini, harus diraikan kerana menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan daripada pelbagai sudut pandang. Justeru itu, Unit Akademik KKSP telah menganjurkan Seminar Akademik selama 2 hari bertempat di The Jerai Hotel, Sungai Petani.

Seminar ini merupakan kesinambungan daripada beberapa Seminar Akademik Bil 1 yang diadakan bagi membincangkan berkaitan isu-isu pendidikan. Seminar ini diadakan dengan harapan agar para pensyarah bersedia untuk mendepani cabaran semasa pendidikan dalam membentuk keperibadian pelajar yang berkemampuan, kreatif dan kritis mengikut acuan pendidikan.




# BENGGKEL FAIL KURSUS & FAIL AKADEMIK PENSYARAH

K K S P I 1 6 M E I 1 9

Bengkel Fail Kursus dan Fail Akademik Pensyarah telah dilaksanakan pada 16 Mei 2019 bertempat di Bilik Bunga Raya 1 dan 2. Semua pensyarah diwajibkan hadir untuk menghadiri taklimat ini bagi mengetahui proses penyediaan dan lantikan bagi setiap kursus. Pensyarah diberi tempoh masa selama sebulan untuk sesi penyediaannya.

Fail Kursus yang perlu diselesaikan pada fasa ini hanya untuk kursus bagi semester 1 sahaja. Fail Kursus yang telah lengkap telah diserahkan oleh Koordinator Program kepada Ketua Program masing-masing pada 27 Jun 2019. Fail Akademik Pensyarah yang telah lengkap telah diserahkan kepada Pegawai Latihan sebagai rujukan dan simpanan.

## SESI PENYERAHAN FAIL KURSUS (USPK) --> KETUA PROGRAM



# LATIHAN & PEMBANGUNAN STAF





# BENGGKEL PENULISAN KAJIAN & PENYELIDIKAN

14-15 MEI 2019 | KKSP

Program BENGKEL PENULISAN KAJIAN & PENYELIDIKAN PERINGKAT ZON UTARA telah dianjurkan oleh Kolej Komuniti Sungai Petani pada 14 & 15 Mei 2019 bertempat di KKSP.

Program ini telah melibatkan penyertaan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Utara.



# CPCM – PENULISAN DAN PENERBITAN EFEKTIF DALAM TVET

THE JERAI HILL RESORT | 9-11

A P R I L 1 9

Kursus Career Path Competencies Matrix (CPCM) merupakan modul-modul latihan menjurus kepada kompetensi-kompetensi generik dan pengurusan yang diperlukan oleh seseorang staf selaras dengan perkembangan kerjaya bagi gred yang lebih tinggi. Sehubung dengan itu, program CPCM ini akan menyediakan modul latihan yang bersesuaian dan diberikan kepada PPPT.

Kolej Komuniti Sungai Petani telah dilantik sebagai salah satu penyelaras bagi Zon Utara bagi melaksanakan CPCM yang diberi tajuk Penulisan dan Penerbitan Efektif Dalam TVET. Kursus ini diadakan di THE JERAI HILL RESORT, Gurun selama 3 hari 2 malam. Penceramah jemputan adalah Haji Faizul Naim bin Ishak iaitu Pengarah Urusan dan *Master Trainer* di *Fine Academic*. Beliau juga merupakan Pengarah Penerbitan PTS Media Group Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat penerbitan buku yang Berjaya. Secara keseluruhannya kursus ini sangat bermanfaat dan berguna kepada peserta untuk menghasilkan buku atau bahan ilmiah dengan lebih tersusun dan sistematik. Para peserta didedahkan cara atau kaedah untuk menulis dan menerbitkan hasil karya dengan mendapat perlindungan daripada dicitak oleh orang lain. Penceramah kursus tidak lokek berkongsi tips dan pengalamannya dalam bidang penulisan dan penerbitan. Dengan ini para peserta menjadi lebih bersemangat dan mendapat ilmu baru dalam bidang tersebut. Selain itu maklumbalas daripada peserta kursus adalah sangat baik dan berpuas hati dengan penyampaian dan kandungan modul yang disampaikan oleh penceramah.



# CPCM – Penulisan dan Penerbitan Efektif Dalam TVET

THE JERAI HILL HOTEL | 9-11

A P R I L 1 9



Peserta kursus CPCM bergambar kenangan bersama Pengarah KKSP dan penceramah



Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus



# PPK – BAKERI DAN PASTRI

KKSP I 7-11 JULAI 19

Program Peningkatan Kemahiran (PPK) adalah kursus kemahiran dan teknikal yang diberikan untuk pensyarah bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang mengikuti peredaran terkini dan keperluan industry. Kursus Bakeri dan Pastri adalah salah satu kursus dibawah PPK ini sangat bermanfaat dan berguna kepada peserta untuk menghasilkan produk dengan teknik dan hiasan yang menarik.

Para peserta didedahkan cara atau kaedah untuk menghasilkan produk serta cara susunan Produk diatas pinggan supaya menjadi lebih menarik dan cantik. Penceramah kursus tidak lokek berkongsi tips dan pengalamannya dalam bidang bakeri dan pastri. Dengan ini para peserta menjadi lebih bersemangat dan mendapat ilmu baru dalam bidang tersebut. Selain itu maklumbalas daripada peserta kursus adalah sangat baik dan berpuas hati dengan penyampaian dan kandungan modul yang disampaikan oleh penceramah.





# PPK – BAKERI DAN PASTRI

KKSP I 7-11 JULAI 19



Peserta kursus PPK bergambar kenangan bersama Pengarah KKSP dan penceramah



Di antara hasil produk peserta kursus PPK - Bakeri dan Pastri

# LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI) PUAN NORFAIZAH HASSAN

ISTANA BUDAYA I 1 APR-10 MEI 19

Program ini adalah salah satu objektif strategik KPI 14 iaitu bertujuan melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif. Seorang pensyarah dari Unit Terapi Kecantikan, Puan Nor Faizah Binti Hassan telah menjalani LSI ini di Istana Budaya iaitu bidang persolekan.

Beliau menjalani latihan ini selama 40 hari dan mendapat pelbagai pengalaman dalam bidang serta merasai suasana yang baru di tempat kerja.





# PENGISIAN & AKTIVITI SEMASA LSI

ISTANA BUDAYA | 1 APR-10 MEI 19



# LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI) PENSYARAH AZREENA BINTI AZIZ

THE PUREST HOTEL | 8 APR-10 MEI 19

Program ini adalah salah satu objektif strategik KPI 14 iaitu bertujuan melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif.


Seorang lagi pensyarah dari KKSP iaitu dari Unit Operasi Perhotelan, Puan Azreena binti Aziz telah menjalani LSI ini di Hotel *The Purest* bagi Jabatan Pengemasan dan Jabatan *Front Office*.

Beliau menjalani latihan ini selama 33 hari dan mendapat pelbagai pengalaman dalam bidang pengurusan hotel dan pengendalian sistem serta peralatan yang terdapat di hotel tersebut.



# PENGISIAN & AKTIVITI SEMASA LSI

THE PUREST HOTEL | 8 APR-10 MEI 19





# PROGRAM LATIHAN DI INDUSTRI

KUALA LUMPUR | 2 – 3 OKTOBER 2019 DAN 19 – 20 OKTOBER 2019

Program ini adalah satu bentuk inisiatif pembangunan untuk pensyarah yang bertujuan memberi peluang latihan dan pengalaman di industri dan meningkatkan kemahiran mengikut permintaan industri terkini.

Unit Kulinari menghantar 2 orang pensyarah iaitu Puan Noorzilawati binti Khalid dan Puan Syazwani binti Ahmad untuk menyertai Kursus *Basic and Advance Western Cuisine* bertempat di Kuala Lumpur.



# PENGISIAN & AKTIVITI SEMASA LATIHAN DI INDUSTRI

KUALA LUMPUR | 8 APR-10 MEI 19





# PROGRAM LATIHAN DI INDUSTRI

SUNGAI PETANI 4 – 6 NOVEMBER 2019

Program ini adalah satu bentuk inisiatif pembangunan untuk pensyarah yang bertujuan memberi peluang latihan dan pengalaman di industri dan meningkatkan kemahiran mengikut permintaan industri terkini.

Unit Servis Kenderaan Ringan telah menghantar seorang pensyarah iaitu Encik Wan Mohd Farid Bin Fauzi untuk menyertai Kursus Teknologi Kemahiran Pembalutan yang bertempat di Pendekar Wrap Sungai Petani Kedah.



# PENGISIAN & AKTIVITI SEMASA LATIHAN DI INDUSTRI

SUNGAI PETANI | 4-6 NOV 19





# PEMBENTANGAN & INOVASI TAHUN 2019





# iCOMPEX'19



**19-21 MAC 2019 | DEWAN WAWASAN JITRA**

Program iCompEx 2019 yang diadakan pada 19-21 Mac 2019 bertempat di Dewan Wawasan Jitra merupakan anjuran POLIMAS, JITRA. KKSP telah disertai oleh 5 kumpulan bagi pertandingan inovasi dan 1 kumpulan pembentang.

Pembentangan daripada Pn. Azreena binti Aziz bagi tajuk Front Office Task Simulator : Satu Pengajaran Inovatif bagi Pelajar Hospitaliti telah mendapat pingat Emas.

Produk inovasi yang dipertandingkan ialah :

BIL.	NAMA PESERTA	NAMA PENSYARAH PEMBIMBING	KELAS	NAMA PRODUK INOVASI	ANUGERAH
1.	MOHAMMAD AIDIL SHARIMAN BIN MD RUNI	MOHD SHAHAR BIN HARUN	SKR 2B	SUSPENSION MOBILE CHANGING	EMAS
	MOHAMAD AIMAN BIN MOHAMAD ARIF				
	MUHAMMAD FAUZAN KHUSAIRI BIN MOHD JOHARI				
2.	SHIKH AMIR WAJDI BIN KAMARUDIN	NOR HAYATI BINTI AHMAD	SKU 1A	KEMILI FLOUR	EMAS
	MUHAMMAD IQMAL BIN MOHAMAD SOBRI	NOOR NADHIRAH BINTI GHAZALI			
	NUR FATIN SYAHIRAH BINTI KAMARUDDIN)	DAYANG SUHAILA BINTI AB RAHIM			
3.	MUHAMMAD RAIZUDDIN DINIY BIN ZAKARIA	NUR ZAMAHURI BIN RAMLY	SKU 2B	SUMEE SUP	PENYERTAAN
	AZRI AFANDI BIN AZMAN	FARAASHIKIN BINTI AZMAN			
	NUR AINAA SYAHZWANIE BINTI ARSHAD				
4.	NURUL ANIS BINTI YUSOFF (970308035208)	NORLI BINTI MAT NOH	SOP 2B	SMART COVER PTCHER	GANGSA
	SITI ZUBAIDAH BINTI MALIK (000212021090)	SITI ZAITUN BINTI SUID			
	ALIA NATASYA BINTI AZHAR (001007020982)				
5.	NURHIDAYAH ROSDI (980316106466)	HASLINDA BINTI ISMAIL	DTK 1	KUR'MINT SOAP & PUFF MANDIAN LOOFAH	EMAS
	SITI NURFARAHIN BINTI A AZMI (980804055426)	NORASHIKIN BINTI ABDULLAH			
	SHAHFANAZ ATHIRAH BINTI SHAMSUDIN (990911095166)				
	NUR SYAZWINA ZURIN BINTI SHAHRUL DIN (980411055740)				





# iCOMPEX'19



19-21 MAC 2019 | DEWAN WAWASAN JITRA





# iCompEX'19

## FRONT OFFICE TASKS SIMULATOR

19-21 MAC 2019

**iCompEx'19**  
19-21 MAC 2019  
PERINGKAT KEBANGSAAN

FRONT OFFICE TASKS SIMULATOR :  
SATU ALAT PENGAJARAN INOVATIF UNTUK  
PELAJAR HOSPITALITI

NAMA PEMBENTANG :

**AZREENA BINTI AZIZ**

**QUAH WEI BOON**

**ROSELINE ANAK KOK**



# KIK HORIZON BAHARU 2019

Program KIK HORIZON BAHARU 2019 telah berlangsung di Politeknik Sultanah Bahiyah Kulim pada 8 Ogos 2019. Kolej Komuniti Sungai Petani yang diwakili oleh Pn. Zurina binti Awang dan Pn. Norlia binti Md. Desa telah berkolaborasi dengan Kolej Komuniti Kepala Batas dalam pertandingan kali ini.

Produk yang dipertandingkan adalah NFC Smart Tag. Produk inovasi ini telah memperoleh JOHAN bagi kategori Perkhidmatan.

8 OGOS 2019 | POLITEKNIK SULTANAH BAHIYAH





# THE 2019 INVENTORS' HALL OF FAME, INTERNATIONAL COMPETITION OF IDEAS, INVENTIONS & INNOVATIONS (i-FAME2019)

**UiTM KEDAH | 7 SEPTEMBER**

Program THE 2019 INVENTORS' HALL OF FAME, INTERNATIONAL COMPETITION OF IDEAS, INVENTIONS & INNOVATIONS (i-FAME2019) telah diadakan di UiTM Merbok dan KKSP telah memenangi PINGAT EMAS bagi produk Front Office Simulator : An Innovative Teaching Tool for Hospitality Student.



# INNOVATION COMPETITION FOR INTERNATIONAL SUMMIT OF INNOVATION & DESIGN EXPOSITION 2019 (INSIDE)

29-30 APRIL 2019 | UNIVERSITI MALAYA

Program INNOVATION COMPETITION FOR INTERNATIONAL SUMMIT OF INNOVATION & DESIGN EXPOSITION 2019 (INSIDE) (UM) telah diadakan di Universiti Malaya.

KKSP memenangi PINGAT EMAS bagi produk Front Office Simulator : An Innovative Teaching Tool for Hospitality Student.





# PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2019 KE-5 (PERISA) (KK SELAYANG) 18-19 SEPTEMBER 2019 I KK SELAYANG

Program PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2019 KE-5 (PERISA) telah diadakan di Kolej Komuniti Selayang.

Pertandingan ini telah disertai oleh kumpulan En. Quah Wei Boon, Pn. Azreena binti Aziz dan Pn. Roseline anak Kok bagi produk Front Office Simulator : An Innovative Teaching Tool for Hospitality Student.

Produk ini telah memenangi pingat Emas.



## K-NOVASI KE 5 PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (UKM) 22-24 JANUARI 2019 I UKM



Program K-NOVASI KE 5 PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (UKM) telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pertandingan ini telah disertai oleh kumpulan En. Quah Wei Boon, Pn. Azreena binti Aziz dan Pn. Roseline anak Kok bagi produk Front Office Simulator : An Innovative Teaching Tool for Hospitality Student.

Produk ini telah memenangi pingat Perak





**Perasmian MYSKRIP 2019 oleh Tn Hj Wan Nasir Bin Wan Ibrahim**



**Barisan Juri-Juri**



**Pameran turut dilaksanakan**

# MYSKRIP 2019

8-9 OKTOBER 2019 | RIVERFRONT SP

Pertandingan MYSkrip 2019 adalah anjuran Unit Pembangunan Pelajar JPPKK dan Kolej Komuniti Sungai Petani merupakan kolej pengelola.

Program ini telah mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan daripada pelajar seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Tahniah dan terima kasih atas kerjasama semua.

# KKSP DI ARENA ANTARABANGSA





# PERTANDINGAN INOVASI ANTARABANGSA

RAINBOW PARADISE PENANG I 17-18 APRIL 2019

Pertandingan i-INTELEC 2019 adalah anjuran Universiti Teknologi Mara, Merbok. Pertandingan ini telah diadakan di Rainbow Paradise Hotel, Pulau Pinang pada 17 & 18 April 2019.

Pertandingan ini telah disertai oleh En. Hafizol bin Abu Hassan dan Pn. Hanisah binti Ahmad. Produk inovasi yang dipertandingkan adalah Serunding Kaduk dan telah memenangi pingat perak.



International  
Innovation in  
Teaching and  
Learning & Language  
Education Conference

# i-INteLEC 2019

*Gearing Towards 4IR: New Trends & Diversities*



# INTERNATIONAL CONFERENCE ON GLOBAL EDUCATION VII (ICGE)

INSTITUT SENI INDONESIA | 1-2 JULAI 2019

Program INTERNATIONAL CONFERENCE ON GLOBAL EDUCATION VII (ICGE) adalah anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Seni Indonesia. Program ini telah diadakan pada 1 & 2 Julai 2019.

Permbentangan ini telah disertai oleh Pn. Siti Salmah binti Mohd Pilus, En. Hafizol bin Abu Hassan, Pn. Hanisah binti Ahmad, Pn. Nor Baizura binti Bakar, Pn. Arlieza Hani binti Mat dan Pn. Sharifah Nurul Huda binti Habib Dzulkarnain.





# KOREA INTERNATIONAL WOMEN'S INVENTION EXPOSITION 2019

**20-23 JUN 2019**

Puan Zurina binti Awang telah mewakili JPPKK dalam Pertandingan KOREA INTERNATIONAL WOMENS INVENTION EXPOSITION 2019 (KIWIE 2019) bertempat di Kintex, Seoul Korea.

Produk yang dipertandingkan adalah IoT NFC Smart Dustbin, IoT NFC Attendance System dan NFC Motorcycle Anti Theft. Beliau telah memenangi 2 pingat EMAS, 1 pingat PERAK dan ANUGERAH KHAS SEMI GRAND (KEEMPAT TERBAIK daripada 30 buah Negara).

Tahniah diucapkan.



# THE 7<sup>TH</sup> MACAO INTERNATIONAL & INVENTION EXPO (MiiEX) 2019

10-13 OKT 2019 | MACAO

Program THE 7th MACAO INTERNATIONAL AND INVENTION EXPO (MiiEX) 2019 telah disertai oleh kumpulan Front Office Task Simulator.

Ahli kumpulan bagi projek inovasi ini adalah En. Quah Wei Boon, Pn. Roseline anak Kok dan Pn. Azreena binti Aziz. Produk inovasi ini telah memperoleh EMAS dalam pertandingan tersebut.





# 15<sup>TH</sup> ICLICE 2019 HO CHI MINH

29-30 OGOS 2019 | VIETNAM

Tahniah kepada Encik Quah Wei Boon, pensyarah Operasi Perhotelan KKSP yang telah membentangkan "Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and Attitude towards using Front Office Tasks Simulator : A Preliminary Study in Community College" pada 29 - 30 August 2019 di Liberty Central Saigon Citypoint Hotel, Vietnam.



# LAWATAN ILMIAH DAN KOLABORASI STRATEGIK KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI 2 HINGGA 4 JULAI 2019

Unit Kolaborasi Pengantarabangsaan KKSP telah mengadakan lawatan Ilmiah dan Kolaborasi Strategik Kolej Komuniti Sungai Petani Bersama Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia pada 2 hingga 4 Julai 2019.

Lawatan ini telah disertai oleh 3 orang Pensyarah KKSP iaitu Puan Siti Salmah Binti Mohd Pilus, Puan Hanisah Binti Ahmad dan Encik Hafizol Bin Abu Hassan.

Melalui program ini, satu pembentangan "Sharing Knowledge" telah dilaksanakan oleh pihak KKSP kepada pihak UNP. Ini merangkumi perkongsian pelbagai maklumat dan pencapaian KKSP. Pihak UNP berbesar hati menganugerahkan sijil pembentangan kepada semua pensyarah yang terlibat.





# PENGURUSAN PENTADBIRAN



# PENGURUSAN ORGANISASI

## SISTEM e-SURAT

Penggunaan medium secara elektronik (e-Surat) yang digunakan secara 100% dalam pengurusan pergerakan surat masuk/keluar. Dengan penggunaan sistem ini dapat mengurangkan penggunaan kertas dan mempercepatkan masa eksekusi dari pegawai-pegawai.

## T A D B I R U R U S



### **SURAT MASUK SECARA BERPUSAT**

Semua surat yang masuk ke KKSP akan direkod di dalam system e-Surat



### **ARAHAN BERSTRUKTUR**

Arahan akan dibuat melalui system kepada pegawai berkenaan



### **MENJIMATKAN MASA**

Membudayakan ICT dalam bidang kerja



### **PENGAWALAN**

Penyebaran dokumen dalam dikawal



# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018

Senarai  
PENERIMA



DR ABD LATIF AHMAD



SABIDATUL AFIFAH ABIDIN



ASWADY ISMAIL



SURIYATY OMAR



SHAWAL FIKRI SIHAB



NORAZLIN BT AZLAN



SITI ASMAH AB TALIB

# PENTADBIRAN

## PEROLEHAN SEBUT HARGA & TENDER TAHUN 2019

- PERKHIDMATAN PEMBEKALAN, PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR
- MEMBEKAL TONER PRINTER
- PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN
- PEMBEKALAN, PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN KOMPUTER DAN PRINTER
- MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN MENTAH BASAH DAN KERING
- PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJILARI MESIN PENGERING PAKAIAN
- PERKHIDMATAN SEWAAN VAN
- PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENTAULIAH DAN MENYELENGARA SERTA MENYEWA MESIN PENYALIN





# PENGURUSAN ORGANISASI



## PENCAPAIAN 100% PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN TIDAK MELEBIHI 14 HARI



Unit Kewangan, Kolej Komuniti Sungai Petani telah dianugerahkan Sijil Penghargaan pencapaian 100% Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan Tidak Melebihi 14 Hari oleh JPPKK



Anugerah ini adalah atas pencapaian prestasi pembayaran bill dan tuntutan yang tidak melebihi 14 hari sepanjang tahun 2019.

Sijil Penghargaan Pencapaian 100% Prestasi Pembayaran Bil  
dan Tuntutan Dalam Tempoh 14 Hari

# PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



# PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



<b>KPI 2019</b>	<b>:</b>	<b>3840 peserta</b>
<b>Pencapaian KPI</b>	<b>:</b>	<b>4813 peserta</b>
<b>KPI PISH</b>	<b>:</b>	<b>384 peserta</b>
<b>Pencapaian KPI PISH</b>	<b>:</b>	<b>639 peserta</b>
<b>Jumlah kursus</b>	<b>:</b>	<b>298 kursus</b>



# PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGUSAHA- PENGUSAHA HOMESTAY NEGERI KEDAH KURSUS PENDEK

15 & 16 MAC / 19 & 20 OKTOBER 2019 | KKSP

Kursus ini adalah kolaborasi MOTAC Kedah bersama Kolej Komuniti Sungai Petani dan telah dihadiri oleh 40 orang peserta homestay Negeri Kedah dan juga dari premis penginapan pelancong Negeri Kedah. Terdapat dua siri pelaksanaan program ini iaitu pada Mac dan Oktober.

Objektif utama penganjuran kursus ini adalah bertujuan untuk meninggikan tahap keyakinan diri dan meningkatkan taraf profesionalisma dalam menguruskan kemudahan kepada pelancong. Melalui kursus ini juga para peserta dapat melakukan perubahan positif serta dapat mempraktikkan protokol dan etika di meja makan semasa mengendalikan majlis rasmi.

Di samping itu peserta juga diberi kemahiran urutan dan spa bagi nilai tambah dalam perkhidmatan homestay. Topik di dalam kursus ini selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan pengusaha yang berkeyakinan, berketrampilan, berdaya saing dan berkemahiran .

# PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGUSAHA- PENGUSAHA HOMESTAY NEGERI KEDAH KURSUS LATIHAN KHAS



Kursus pengemasan, tatasajian dan urutan



# PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGUSAHA- PENGUSAHA HOMESTAY NEGERI KEDAH KURSUS LATIHAN KHAS



Peserta bagi Kursus Siri 1 ; Tatasajian dan Pengemasan



# PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGUSAHA- PENGUSAHA HOMESTAY NEGERI KEDAH KURSUS LATIHAN KHAS



Peserta bagi Kursus Siri 2 ; Urutan dan Spa

# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – SEKOLAH AGAMA DARIS (AKKI DARIS)

JANUARI – JULAI 2019 | KKSP

Program kolaborasi AKKI DARIS diteruskan pada tahun 2019. Program ini merupakan kesinambungan jalinan kerjasama dari tahun 2018.

Ia melibatkan 5 pelajar dan 2 tenaga pengajar daripada Sekolah Agama Daris. Topik pembelajaran dalam kursus melibatkan kemahiran dalam bidang Pastri dan Keusahawanan.

Objektif program bertujuan meningkatkan ilmu kemahiran dan pengurusan perniagaan dalam diri peserta. Secara tidak langsung ia membolehkan pihak sekolah menjana ekonomi dan pemantapan kemahiran pengurusan dalam bidang keusahawanan pastri secara berterusan. Sebanyak 10 kursus yang dilaksanakan sepanjang tempoh dari Januari sehingga Julai 2019.

Modul pengajaran pembelajaran khusus disediakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pihak Sekolah Agama Daris.



# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – SEKOLAH AGAMA DARIS (AKKI DARIS)



Mesyuarat penyelarasan kolaborasi strategik AKKI DARIS & pembentangan hasil produk pelajar – impak kolaborasi



# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – SEKOLAH AGAMA DARIS (AKKI DARIS)



Pelaksanaan kursus Pastri & Kursus Keusahawanan

# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA WILAYAH UTARA

17-19 JUN 2019 | KKSP

Program kolaborasi strategik KKSP bersama Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara.

Bilangan peserta yang terlibat ialah seramai 40 orang kakitangan INTURA. Kandungan program merangkumi Masakan Timur Tengah, Masakan Barat dan Ukiran Buah.

Kolaborasi di antara INTURA dan KKSP ini menghasilkan impak yang positif apabila peserta dapat meningkatkan kemahiran mereka serta mempraktikkannya dalam organisasi



Kursus Penghasilan Nasi Arab Mandy



# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA WILAYAH UTARA

17-19 JUN 2019 | KKSP



Pelaksanaan Kursus Masakan Barat dan Ukiran Buah



# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – KEMAS & PUSAT KHIDMAT PARLIMEN MERBOK

17-19 JUN 2019 | KKSP

Kolaborasi ini melibatkan tiga pihak iaitu Kolej Komuniti Sungai Petani, Pusat Khidmat Parlimen Merbok dan KEMAS Sungai Petani. Seramai 30 peserta yang terpilih bagi menyertai program Merbok Win 2019. Peserta terbahagi kepada dua bidang iaitu 14 peserta Jahitan dan 16 peserta Bakeri. Setiap peserta perlu melalui temuduga yang dijalankan oleh pihak Pusat Khidmat Parlimen Merbok dan KEMAS.

Pihak KKSP menyediakan tempat latihan dan memastikan setiap peserta mendapat kemahiran daripada tenaga pengajar pakar dalam dua bidang tersebut.



Pelaksanaan Kursus Pastri & Jahitan

# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI

JANUARI-OKTOBER | KKSP

Program ini diadakan secara berterusan sepanjang tahun 2019. Ia melibatkan 30 pelajar dari SMK Khir Johari. Jalinan Kolaborasi ini adalah inisiatif Pengetua SMK Khir Johari dan Pengarah KKSP dalam memberi nilai tambah bidang kemahiran kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut. Bidang yang menjadi pilihan ialah bidang Kulineri dan Automotif.



Pelaksanaan kursus Masakan



# KOLABORASI STRATEGIK KKSP – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI

JANUARI-OKTOBER | KKSP



Majlis Penganugerahan Sijil kepada pelajar-pelajar yang berjaya tamat kursus.





# KARNIVAL MYP SH2U@KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2

MAC & NOVEMBER | KKSP

Karnival tahunan yang diadakan 2 kali setahun di Kolej Komuniti Sungai Petani bertujuan sebagai salah satu platform promosi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada komuniti setempat. Ia juga merupakan tanda penghargaan kepada komuniti yang sentiasa memberi sokongan kepada program-program anjuran KKSP.

Melalui program ini ia mendekatkan jurang di antara KKSP dan komuniti. Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan beberapa kolaborasi hasil daripada promosi kepada agensi-agensi swasta dan kerajaan sekitar daerah Kuala Muda/Yan.

# KARNIVAL MYP SH2U @ KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2





# KARNIVAL MYP SH2U @ KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2





# KARNIVAL MYP SH2U @ KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2



# KARNIVAL MYP SH2U @ KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2






# KARNIVAL MYP SH2U@KKSP SIRI 1 DAN SIRI 2





GRADUAN  
HOLISTIK





# GRADUAN DI ARENA ANTARABANGSA





# AKTIVITI /PROGRAM



## 4TH BATCH OF SEA-TVET STUDENT EXCHANGE PROGRAMME UNDER THE SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK IN SOUTHEAST ASIA



17 OGOS-15 SEPT 2019 | KKSP

Penglibatan Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) di peringkat antarabangsa bermula pada tahun 2019. Aktiviti dua hala antara KKSP dan institusi luar negara ini melibatkan penempatan Latihan Industri pelajar di dalam dan luar negara. Tandatanganan kolaborasi terkini 2019 adalah Agreed Minutes of Meeting (AMM) bersama Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia. Program pertukaran pelajar inbound yang terdiri daripada pelajar bidang Tatarias dari UNP telah dijadualkan selama 30 hari, bermula dari 17 Ogos 2019 sehingga 15 September 2019. Institusi yang terlibat ialah Universitas Negeri Padang, Indonesia dan industri yang terlibat ialah De Qaseh Beauty Spa, Sungai Petani, Kedah.

Manakala, program pertukaran pelajar outbound yang terdiri daripada pelajar Diploma Terapi Kecantikan Semester 6 juga dijadualkan selama 30 hari, bermula dari 17 Ogos 2019 sehingga 15 September 2019 bersama Universitas Negeri Padang, Indonesia dan industri Muslimah Beauty Care dan Beautylicious.

Pencapaian :

1. Outbound Student seramai 4 orang daripada Program Diploma Terapi Kecantikan KKSP berjaya menamatkan program bersama industri Muslimah Beauty Care dan Beautylicious dengan kerjasama Universitas Negeri Padang di Indonesia.
2. Inbound Student seramai 4 orang daripada bidang Tatarias Universitas Negeri Padang berjaya menamatkan program bersama industri De Qaseh Beauty Spa, Sungai Petani dengan kerjasama KKSP.
3. Program ini mendapat pengiktirafan oleh SEAMEO Polytechnic Network In Southeast Asia.



Pelajar UNP di De Qaseh Beauty Spa, Sungai Petani



Pelajar KKSP di Muslimah Beauty Care, Padang, Indonesia





# AKTIVITI /PROGRAM



## PROGRAM KAYUHAN DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS BERSAMA ALUMNI KOLEJ KOMUNITI ZON UTARA, SEMPENA HARI KEPUTRAAN DYMM TUANKU RAJA PERLIS

10 JULAI 2019 | KK ARAU

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menjalankan aktiviti setempat bersama-sama dengan rakan alumni dari zon utara bagi Program Kayuhan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Bersama Alumni Kolej Komuniti Zon Utara, Sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis.

Program ini berlangsung pada 10 Julai 2019 di Kolej Komuniti Cawangan Arau Perlis. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menjalinkan hubungan silaturrahim di antara pihak kolej dengan alumni. Setiap kolej menghantar seramai 2 orang wakil alumni.



Wakil Alumni dari KKSP



Alumni Zon Utara Bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis

# KEBOLEHPASARAN GRADUAN







LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2019  
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI  
11 Disember 2019 | Kolej Komuniti Arau




Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2019 Kolej Komuniti Sungai Petani yang telah disiapkan oleh Pegawai Kebolehpasaran & Pengesanan Graduan , Encik Shaiful Hazmir Bin Shaifuddin bertarikh 11 Disember 2019 menunjukkan bahawa terdapat seramai 380 orang bilangan graduan untuk Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) yang berkonvokesyen untuk tahun 2019. Untuk tahun 2019, kadar respon dari graduan KKSP dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG-TVET) mencapai 100 %.

Merujuk kepada laporan untuk tahun 2019, kadar peratusan kebolehpasaran graduan KKSP adalah sebanyak 98.7 %. Kadar peratusan kebolehpasaran graduan diambil kira dari peratusan graduan bekerja yang mencatatkan peratusan sebanyak 92.9 % dan juga peratusan graduan yang melanjutkan pengajian yang mencatatkan 5.8 %. Berdasarkan kepada laporan juga menunjukkan kadar sektor ekonomi iaitu peratusan graduan yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan mencatatkan bacaan sebanyak 99 %. Ini dapat dilihat dari sektor pembuatan yang menyumbang sebanyak 18 % dan sektor perkhidmatan sebanyak 81 %. Kadar kebolehpasaran graduan TVET untuk KKSP juga mencatatkan peningkatan dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan satu perkembangan yang positif kepada pembangunan KKSP dari segi melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran mengikut kehendak pasaran industri.

# LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2019



Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2019  
Kolej Komuniti Sungai Petani



Kadar Peratusan Kebolehpasaran Graduan KKSP  
Tahun 2019

# PENGHARGAAN





# AKTIVITI / PENGHARGAAN

## ANUGERAH PELAJAR PENDIDIKAN KHAS SERTA RAMAH MESRA BERSAMA INDUSTRI

← 17 FEBRUARI 2019 | HOTEL THE JERAI

Majlis Anugerah Pelajar Pendidikan Khas dan Dialog Bersama Industri merupakan satu KPI di dalam unit Pendidikan khas pastri. Oleh yang demikian unit Pendidikan khas pastri merancang program ini yang melibatkan pelajar pendidikan khas di Kolej Komuniti Sungai Petani.

Majlis Anugerah Pelajar merupakan satu majlis untuk meraikan kejayaan-kejayaan pelajar pendidikan khas dan ia juga bertujuan meninjau maklumbalas daripada pihak industri berkenaan dengan keperluan industri terhadap tenaga kerja dan kesepadanan silibus yang ditawarkan di Kolej Komuniti.

Sesi Majlis Anugerah pelajar ini juga berkolaborasi dengan industri bagi membincang dan memantapkan lagi program latihan industri melalui perkongsian idea, pengalaman dan pandangan antara industri dan Kolej Komuniti. Selain itu pihak industri boleh memberikan pandangan tentang faktor-faktor yang ada bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar Kolej Komuniti.

Selain dari menjalinkan hubungan serta meningkatkan kerjasama dua hala di antara Kolej Komuniti dan industri dalam penambahbaikan prestasi dan kualiti pelajar Kolej Komuniti. Saluran maklumat daripada pihak industri adalah diperlukan bagi meningkatkan kualiti graduan kolej dari segi kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Pendedahan kepada pelajar berkaitan tempat latihan industri dan peluang selepas menamatkan pengajian.



# MAJLIS BUDI DIKENANG BAKTI DISANJUNG THE JERAI HOTEL | 8 JANUARI 2019

Majlis Budi Dikenang, Bakti Disanjung sempena pertukaran Dr Hj Abdul Latif B. Ahmad ke POLISAS.

Tahniah daripada warga KKSP atas pelantikan sebagai Pengarah POLISAS.

Semoga Dr Hj Abdul Latif terus cemerlang.



# MAJLIS APRESIASI STAF

## SEKALUNG BUDI SEJUTA PENGHARGAAN

Majlis Apresiasi Staf telah diadakan pada 24 November 2019 di TH Hotel Kepala Batas, Alor Setar.

Majlis anjuran Kelab Staf ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan semua staf yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2019.





# MAJLIS APRESIASI STAF SEKALUNG BUDI SEJUTA PENGHARGAAN



# PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN





# PROGRAM INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)



Institusi pendidikan yang berteraskan TVET merupakan suatu institusi yang melahirkan graduan separa mahir dan mahir dalam pelbagai bidang kemahiran. Pendidikan moden yang bercirikan kepada aspek penerapan nilai-nilai pengurusan dari pembelajaran teori dan amali dapat melahirkan para graduan yang holistik dan mampu berdaya saing. Salah satu pendekatan yang diperkenalkan melalui institusi TVET seperti Politeknik dan Kolej Komuniti ialah *Industry On Campus (IOC)* dimana ianya merupakan suatu platform yang disediakan untuk memberi impak kepada pihak-pihak yang terlibat. Justeru, Kolej Komuniti Sungai Petani tidak ketinggalan dalam menyahut cabaran pelaksanaan IOC melalui penubuhan hub-hub keusahawannya.

Hub-hub keusahawanan yang telah ditubuhkan di Kolej Komuniti Sungai Petani turut memberikan tumpuan kepada kerangka konsep asas IOC di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Dalam konsep asas tersebut pelajar, komuniti dan pekerja industri yang merupakan pelanggan kepada Kolej Komuniti Sungai Petani akan menikmati impaknya melalui kolaborasi yang terjalin antara institusi – industri. Faktor ini didorong oleh suntikan empat (4) faktor asas pelaksanaan iaitu kepelbagaian mod pembelajaran, perkongsian bidang kepakaran industri, infrastruktur dan fasiliti serta sumber kewangan yang mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa serta melalui arahan amanah. Jelaslah bahawa dengan adanya konsep asas IOC di Kolej Komuniti Sungai Petani ini dapat membantu KKSP ke arah yang lebih cemerlang dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Melalui konsep IOC yang dijalankan pada tahun 2019, Kolej Komuniti Sungai Petani telah berjaya melahirkan sebanyak empat (4) hub keusahawanan iaitu Lite & Sweet Coffee@KKSP (LnS), Cempaka Spa@KKSP, Smart Bubbles Laundry@KKSP dan PRODIGY AUTOHAUZ@KKSP yang mampu dibanggakan oleh warganya kerana dalam tempoh tersebut hub-hub keusahawanan yang berfokuskan kepada bidang tujahan masing-masing telah berjaya mengukir nama samada dalam bidang inovasi, pertandingan kemahiran mahupun keusahawanan. Hub-hub keusahawanan yang beroperasi di Kolej Komuniti Sungai Petani terus mendapat sokongan daripada pelbagai pihak yang berkolaborasi bagi memastikan ianya relevan dan diterima. Hub-hub keusahawanan di Kolej Komuniti Sungai Petani terus mendapat perhatian serta kepercayaan daripada komuniti setempat yang telah menggunakan perkhidmatan atau produknya.

Industri Berkolaborasi:

- a) Smart Bubble Laundry : D’Kota Resources dan MD Chan Enterprise.
- b) Lite & Sweet Coffee@Kksp (L&S) : Aim Coffee dan Pastry World
- c) Prodigy Autohauz@Kksp : PWrap ventures
- d) Cempaka SPA@KKSP : Sn biz enterprise, salon kecantikan muslimah, rizqi syandanah dan Siti Rokian Bt Yaacob

Impak pelaksanaan *Industry on Campus* di Kolej Komuniti Sungai Petani melalui penubuhan hub-hub keusahawanan telah menjelaskan bahawa konsep latihan berteraskan kepada kolaborasi institusi – industri telah berjaya mencetuskan suatu fenomena baharu dalam suasana pembelajaran pelajar. Jalinan kolaborasi akan melahirkan graduan yang bercirikan usahawan dan bersedia untuk menceburi perniagaan sendiri (*job creator*).



# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PROGRAM INDUSTRY ON CAMPUS



# PENERBITAN

## **BUKU GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INDUSTRY ON CAMPUS* DITERBITKAN**

Buku Garis panduan untuk institusi Politeknik dan Kolej Komuniti yang akan menjalankan konsep IOC telah diterbitkan dengan usahasama Bahagian Perancangan dan Pembangunan Institusi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan KKSP.

Buku garis panduan ini meliputi aspek keseluruhan yang perlu diuruskan bersama industri agar kolaborasi menjadi lebih berkesan dan mencapai objektif serta memberi impak yang berkesan.



# PENERBITAN

## BUKU KONSEP PENGOPERASIAN *INDUSTRY ON CAMPUS* KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

Buku KAJIAN KONSEP PENGOPERASIAN *INDUSTRY ON CAMPUS* (IOC) DI KOLEJ KOMUNITI KOMUNITI SUNGAI PETANI DAN KOLEJ KOMUNITI TAIPING adalah buku yang bertujuan untuk mendokumentasikan daripada pelaksanaan konsep IOC bagi unit Kulineri, Operasi Perhotelan, Servis Kenderaan Ringan dan Kecantikan di Kolej Komuniti Sungai Petani dan unit Kecantikan di Kolej Komuniti Taiping.

Konsep IOC ini dijalankan melalui jaringan kolaborasi pintar dengan rakan-rakan industri mengikut program Unit di KKSP. Konsep IOC adalah menjurus kepada membawa industri ke dalam kampus di dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi pelajar seiring kehendak industri.

Program IOC ini dihasilkan berdasarkan konsep asal dasar yang dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menerusi kerangka model pelaksanaan IOC bagi Politeknik dan Kolej Komuniti.





# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KKSP



# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KKSP





# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KKSP






# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KKSP



# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KKSP





# AKTIVITI KEUSAHAWANAN


## PERASMIAN PRODIGY AUTOHAUZ

Tarikh Program: Disember 2019

Tempat Berlangsung: Kiosk Prodigy

Dirasmikan oleh : Tn Hj Zuhaizar A. Karim

Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu, Kedah





# AKTIVITI KEUSAHAWANAN

## PERASMIAN PRODIGY AUTOHAUZ

NAIB JOHAN 90 DAYS BUSINESS CHALLENGE  
ANJURAN SME BANK  
INKUBATOR PERNIAGAAN : LITE & SWEET COFFEE  
NAMA PERNIAGAAN : LITE & SWEET RESOURCES  
JUMLAH KEMENANGAN : RM 15,000.00



**SUKSES**  
@ 90 Days Business Challenge

**SME BANK**

Rabu • 10 Julai 2019 • 9.30 mlm  
Setiap Khamis, 5.45 ptg (Ulangan)  
Setiap Ahad, 11.30 pagi (Ulangan)  
Tonton di Saluran 501 AWANI dan [astroawani.com/live-tv](http://astroawani.com/live-tv)

astro  
AWANI



**POLITEKNIK MALAYSIA** **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** **KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

Lite

**Tahniah**  
NAIB JUARA  
LITE AND SWEET RESOURCES  
KOLEJ SUNGAI PETANI

50th Anniversary

politeknik.edu kolejkomunitiHQ  
politeknikmalaysia kolejkomunitiHQ  
politeknikmalaysia kolejkomunitiHQ  
politeknikkolejkomuniti [www.mypolyc.edu.my](http://www.mypolyc.edu.my)

# AKTIVITI PELAJAR@KKSP



# PROGRAM WE CARE WE SERVE

<b>Tarikh Program</b>	: Hari Selasa Setiap Minggu Pengkuliahan / Mengikut tarikh yang di ditetapkan oleh syarikat yang terlibat
<b>Tempat Berlangsung</b>	: Perkarangan Unit Pembangunan Pelajar KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Mendapat kerjasama dari Agensi Luar seperti PERKEP, Nestle & Ibumie.
<b>Keterangan Aktiviti</b>	<p>: Memberikan sarapan percuma kepada pelajar sebelum sesi pembelajaran berlangsung. Di uruskan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Bermula pukul 7.30 pg – 8.30 pg setiap hari Selasa. Syarikat makanan seperti Nestle &amp; Ibumie turut memberikan makanan dan sample terbaru kepada pelajar-pelajar.</p> <p>Kolej Komuniti Sungai Petani sentiasa peka dengan kebajikan pelajar khususnya pelajar dalam kalangan B40. Melalui aktiviti ini pelajar akan dibekalkan sarapan percuma sebelum mengikuti kelas dimana semua pelajar layak mendapatkan makanan tersebut. Program ini juga mendapat perhatian dari pihak luar seperti Nestle dengan memberi minuman Milo, Nescafe percuma serta sarapan bijiran Coco Cruch kepada pelajar.</p>



# PROGRAM WE CARE WE SERVE



**SARAPAN PAGI PERCUMA OLEH PERKEP**



**MINUMAN PERCUMA OLEH NESCAFÉ**



# PROGRAM WE CARE WE SERVE



SAMPLE MAKANAN PERCUMA OLEH MAGGI



MINUMAN PERCUMA OLEH MILO

# MINGGU SUAIKENAL / HARI INFORMASI PELAJAR

<b>Tarikh Program</b>	: Minggu pertama selepas Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun & Dis
<b>Tempat Berlangsung</b>	: KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Mendapat kerjasama dari Agensi Luar seperti KKM ( HIV & Pergigian ), Jabatan Agama Islam, AADK, e-Idaman, PDRM
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Memberikan informasi dalaman serta aktiviti kepada pelajar baharu sebagai permulaan melangkah ke KKSP. Mendapat kerjasama dari agensi luar tempatan dengan memberikan perkhidmatan kepada pelajar selain maklumat yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar.



# MINGGU SUAIKENAL / HARI INFORMASI PELAJAR



**PEMERIKSAAN GIGI KKM  
PERGIGIAN KUALA MUDA**



**PEMERIKSAAN HIV KKM KUALA MUDA**



# MINGGU SUAIKENAL / HARI INFORMASI PELAJAR



**TAKLIMAT KESIHATAN REMAJA KKM**



**PROGRAM BERSAMA E-IDAMAN**

# MINGGU SUAIKENAL / HARI INFORMASI PELAJAR



**PROGRAM BERSAMA AADK**



**PROGRAM BERSAMA JABATAN AGAMA ISLAM**



# KEM KEPIMPINAN JPP

<b>Tarikh Program</b>	: 22 – 23 JUN 2019
<b>Tempat Berlangsung</b>	: KOMPLEKS RAKAN MUDA BALING
<b>Pencapaian</b>	: Jawatankuasa Perwakilan Pelajar / JPP & PRISS terdiri dari pelajar-pelajar yang mempunyai kebolehan dan kelebihan dari segi kepimpinan, semangat berpasukan, tegas, cerdas dan prihatin terhadap persekitaran. Ini bersesuaian dengan tugas mereka selaku perantara di antara pelajar dan pengurusan kolej. Satu kem khas diadakan dimana ia akan berupaya memberi nilai tambah dari segi pengetahuan dan jati diri mereka.
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Program Mendedahkan persekitaran luar kepada JPP & PRISS, menambah nilai kemahiran komunikasi, kepimpinan, semangat berpasukan. Pendedahan pelajar kepada program-program jatidiri supaya dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang tinggi sebagai pemimpin pelajar.

# KEM KEPIMPINAN JPP



Bersama barisan JPP dan PRISS 2019

# PERHIMPUNAN PELAJAR / PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR

<b>Tarikh Program</b>	: Minggu pertama pengkuliahahan setiap semester
<b>Tempat Berlangsung</b>	: Perkarangan KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Penganugerah Sijil Kecemerlangan Pelajar dengan kerjasama Unit Peperiksaan
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Penyampaian maklumat akademik dan aluan Pengarah kepada semua pelajar baharu dan lama selepas minggu pendaftaran dan MSK. Penganugerahan diberikan kepada pelajar yang mencapai HPM 3.50 keatas sebagai motivasi untuk pelajar mencapai kecemerlangan akademik, sukan dan sahsiah.



# PERHIMPUNAN PELAJAR



**Penyampaian Anugerah & Taklimat HEP & Akademik**

# PILIHANRAYA KAMPUS (PRK)

<b>Tarikh Program</b>	: Disember 2018 – Januari 2019 & 9/1/2019 (Pilihanraya)
<b>Tempat Berlangsung</b>	: KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Pelajar melalui proses PRK bermula dari penamaan calon, pembentangan manifesto, berkempen & mengundi mengikut standart yang ditetapkan oleh SPR Malaysia.
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Terdapat 2 kerusi iaitu Kerusi Umum dan Kerusi Program yang dipertandingkan pada peringkat kolej. Pelajar layak mengundi calon yang akan mewakili suara pelajar sekaligus menjadi contoh kepada pelajar KKSP yang lain.



# PILIHANRAYA KAMPUS (PRK)



**PILIHANRAYA  
KAMPUS TELAH  
DIADAKAN PADA**

**9 JANUARI 2019**





# PROGRAM KEMERDEKAAN

<b>Tarikh Program</b>	: 12/9/2019
<b>Tempat Berlangsung</b>	: KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Program turut serta dengan pelajar antarabangsa dari Indonesia sempena Program SEAMEO
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Program Sambutan Kemerdekaan yang di buat secara tahunan melibatkan kesemua pelajar dengan aktiviti perarakan perbarisan kibaran jalur gemilang, kereta berhias, pertandingan deklamasi sajak, nyayian patriotik, pentas drama dan pakaian berhias.

# PROGRAM KEMERDEKAAN



**Perbarisan Kibaran Jalur Gemilang**



**Deklamasi Sajak disampaikan oleh pelajar  
(Universitas Negeri Padang)**



# PROGRAM KEMERDEKAAN



**Deligasi Pelajar Antarabangsa**



**Pertandingan Kereta Berhias**



# PROGRAM *RECYCLE FOR YOUR LIFE*

<b>Tarikh Program</b>	: Sepanjang tahun
<b>Tempat Berlangsung</b>	: KKSP
<b>Pencapaian</b>	: Program dengan kerjasama e-Idaman dan Whale
<b>Keterangan Aktiviti</b>	: Recycle For Life ialah satu program kitar semula yang memberikan ganjaran nilai tunai menerusi kad pintar. Konsep ini dibangunkan oleh kumpulan Cenviro dengan kerjasama MyKasih Foundation. Recycle for Life merupakan program tanggungjawab sosial kumpulan Cenviro dan E-Idaman Sdn. Bhd. Program kitar semula menggunakan kad pintar yang pertama seumpunya di Malaysia.

# PROGRAM *RECYCLE FOR YOUR LIFE*



Taklimat dari pihak Cenviro



# PROGRAM RECYCLE FOR YOUR LIFE



Hari pengutipan barangan terpakai

## RECYCLE FOR LIFE (RFL)

KUTIPAN BARANG-BARANG KITAR SEMULA AKAN DIJALANKAN PADA  
TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)  
MASA : 8.30 - 9.00 PG  
TEMPAT : KAWASAN PARKING BAS KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

CATATAN : KEPERLUAN UNTUK MUAT TURUN eCARD MELALUI RFL APP

HARGA TERKINI				
BARANG KITAR SEMULA JULAI 2019				
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 1.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00
RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00	RM 0.00

"SAMA SAMA AMALAN BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI BERKUALITI MELALUI RFL APP"

Jadual Pengutipan barang kitar semula



# AMBILAN PELAJAR SESI JUN 19

Sekitar taklimat waris bersama Pengarah dan pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani.

Turut berlangsung sesi soal jawab bersama-sama waris pelajar





# AKTIVITI /PROGRAM



## ANUGERAH SUKAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2018



**22 MAC 2019 | D'TEMPAT COUNTRY CLUB**

Anugerah Sukan Kolej Komuniti merupakan penghargaan dan insentif yang diberikan kepada atlet – atlet Kolej Komuniti yang berjaya dan cemerlang dalam bidang sukan masing – masing.

Nadia Syuhada menjadi finalis top 3 bagi Kategori Olahragawati manakala Daniel Amirul telah menerima Anugerah Insentif Kecemerlangan Sukan.



**Penerima Anugerah**





# AKTIVITI /PROGRAM



## SESI LATIHAN PUSAT ATLET KONTINGEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI KEDAH / PERLIS TAHUN 2019

← 22 - 24 APRIL 2019 | IPG SULTAN ABDUL HALIM

Sesi latihan Pusat Atlet Kontingen Kolej Komuniti Negeri Kedah / Perlis telah diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah.

Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam mempersiapkan diri menghadapi Kejohanan Sukan Kolej Komuniti (KSKK) 2019.



Sesi Taklimat



Sesi Bergambar Sebelum berangkat ke KSKK



Latihan Pusat bagi Pasukan Bola Sepak



Latihan Pusat bagi Pasukan Bola Jaring



# AKTIVITI /PROGRAM



## KEJOHANAN SUKAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA TAHUN 2019

← 25-28 APRIL 2019 | KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR

Kejohanan Sukan Kolej Komuniti (KSKK) Tahun 2019 kali ke-12 merupakan sukan tahunan Kolej Komuniti. Pada tahun ini, Kolej Komuniti Negeri Selangor telah dilantik sebagai tuan rumah bagi mengelola kejohanan tersebut. Kejohanan ini telah memberi peluang pelajar – pelajar Kolej Komuniti menyerlahkan bakat dan potensi mereka dalam sukan.

Pingat keseluruhan adalah 4 emas, 2 perak dan 3 gangsa. Manakala kedudukan keseluruhan Kontingen Negeri Kedah / Perlis adalah di tempat ke-5 dari 10 Kontingen yang bertanding.



Pasukan Bola Sepak Kontigen Kedah / Perlis Tahun 2019



Pasukan Bola Jaring Kontigen Kedah / Perlis Tahun 2019



Pasukan Tenpin Boling Kontigen Kedah / Perlis Tahun 2019



Atlet Olahraga Kontigen Kedah / Perlis Tahun 2019





# AKTIVITI /PROGRAM



## KEJOHANAN SUKAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA TAHUN 2019

←  
**26-27 JULAI 2019 ICMART NIBONG TEBAL**

Seramai 10 pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani telah menyertai Kejohanan Battle of The Gamers e-Sports Championship 2019 yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia(MASKOM).

Tiga jenis permainan elektronik yang dipertandingkan antaranya ialah FIFA 19, Mobile Legend dan PUBG.



**Suasana Semasa Kejohanan di CMART Nibong Tebal**



**Sesi Bergambar Bersama Pemenang**



# AKTIVITI /PROGRAM



## KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE 8 TAHUN 2019 (PASUKAN TENPIN BOLING)

17 -24 OGOS 2019 | WANGSA BOWL @ IOI CITY MALL

Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) ini dikelola oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setiap dua (2) tahun sekali dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM),

Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM), Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM), Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA),

Majlis Sukan Kolej Vokasional Malaysia (MASKoV) dan pihak-pihak yang terlibat seperti agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan dan pihak swasta. Bagi tahun 2019, pihak MASKOM telah menghantar Pasukan Tenpin Bowling (Lelaki) bagi turut serta dalam kejohanan ini.



Sesi Latihan



Hari Kedua Kejohanan Bagi Acara Beregu



Hari Ketiga Kejohanan Bagi Acara Berpasukan



Penerima Pingat Bagi Acara All Event  
(Hari Kelima Kejohanan)





# AKTIVITI /PROGRAM



## KEJOHANAN TENPIN BOLING PULAU PINANG TERBUKA 2019 (PASUKAN TENPIN BOLING)



**10-18 DISEMBER 2019 | MEGAMALL BOWLING CENTRE**

Kejohanan Tenpin Bowling Pulau Pinang Terbuka 2019 merupakan kejohanan peringkat antarabangsa melalui Persekutuan Bowling Asia (Asian Bowling Federation – ABF) anjuran Persatuan Tenpin Bowling Pulau Pinang (PTBPP).

Kolej Komuniti Sungai Petani diberi tanggungjawab untuk menyelaras Pasukan Tenpin Bowling Kolej Komuniti Malaysia bagi menyertai ke kejohanan ini.



**Pasukan Tenpin Bowling yang mewakili Kolej Komuniti Malaysia**

# PROGRAM JALINAN UKHUWAH KOLABORASI STRATEGIK ANTARA KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI, MALAYSIA DAN UNIVERSITAS NEGERI PADANG, INDONESIA

17 OGOS 2019 | UNIVERSITAS NEGERI PADANG

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menganjurkan Program Jalinan Ukhwah Kolaborasi Strategik Antara Kolej Komuniti Sungai Petani, Malaysia (KKSP) Dan Universitas Negeri Padang, Indonesia (UNP). Melalui program ini Agreed Minutes Of Meeting (AMM) di antara Kolej Komuniti Sungai Petani, Malaysia dan Universitas Negeri Padang, Indonesia termeterai untuk tempoh setahun bermula daripada 17 Ogos 2019 hingga 17 Ogos 2020.

Ini merangkumi perkongsian kemudahan dan peralatan, kepakaran dan perunding latihan, penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan membuka peluang kerjaya kepada pelajar masing-masing.





**PROGRAM KAYUHAN DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS BERSAMA  
ALUMNI KOLEJ KOMUNITI ZON UTARA,  
SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM TUANKU RAJA PERLIS  
10 JULAI 2019 | KOLEJ KOMUNITI ARAU**

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menjalankan aktiviti setempat bersama-sama dengan rakan alumni dari zon utara bagi Program Kayuhan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Bersama Alumni Kolej Komuniti Zon Utara sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis. Program ini berlangsung pada 10 Julai 2019 di Kolej Komuniti Cawangan Arau Perlis. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menjalinkan hubungan silaturrahim di antara pihak kolej dengan alumni. Setiap kolej menghantar seramai 2 orang wakil alumni.



Alumni Zon Utara Bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis

# PROGRAM ASPIRASI GAGASAN ALUMNI BERSAMA PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PERINGKAT ZON UTARA 2019

10 JULAI 2019 | PENDANG LAKE RESORT

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menganjurkan Program Aspirasi Gagasan Alumni Bersama Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Peringkat Zon Utara 2019 selama dua hari iaitu pada 18 & 19 September 2019. Melalui program ini, Politeknik dan Kolej Komuniti dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara Alumni Wilayah Utara. Selain itu, ianya juga dapat mempromosikan Persatuan Alumni kepada masyarakat dengan menggunakan media massa. Ianya juga dapat memantapkan persatuan Alumni di Politeknik dan Kolej Komuniti.



Penglibatan Alumni dari KKSP



# PROGRAM PENCEGAHAN : PEMBANGUNAN SAHSIAH PELAJAR

KISMEC SG PETANI I 16 JULAI 19

Kolej Komuniti Sungai Petani sentiasa peka dengan kebajikan pelajar khususnya pelajar yang baru mengikuti kursus di KKSP. Program pencegahan akan diadakan bagi semua pelajar baharu bertujuan menangani isu-isu gejala sosial dikalangan remaja.

Melalui aktiviti ini secara langsung dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang bahaya dadah, kegiatan jenayah dan kesan daripada aktiviti ketagihan gajet dan seksualiti.

Pelajar juga mendapat maklumat agar tidak mudah terjebak dengan kesalahan jenayah, ketagihan dadah dan aktiviti gejala sosial yang tidak sihat.

Sehubungan dengan itu, pihak Kolej Komuniti juga berharap dapat melahirkan pelajar dan insan cemerlang dari aspek akademik dan sahsiah sebagai pemangkin puncak pimpinan negara kelak.





# **PERTANDINGAN MYCCSKILLS 2019**

## **BIDANG AUTOMOTIVE TECHNOLOGY PERINGKAT KEBANGSAAN**

22 – 27 SEPTEMBER | KK KELANA JAYA

---

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menyertai pertandingan MYCCSKILLS 2019 Peringkat Kebangsaan pada 22-27 September yang lalu. Pertandingan ini dapat menerapkan pelbagai kemahiran teknikal di samping kemahiran insaniah kepada pelajar disamping memberi pengalaman kepada para pelajar dan seterusnya menjadikan mereka lebih matang dalam melaksanakan sesuatu.

Melalui pertandingan pelajar akan diuji kreativiti dan ketahanan minda terutamanya melibatkan kemahiran “soft skill” dan “hand on skill” disamping menguji kebolehan pelajar mengaplikasikan segala teori dan amali yang dipelajari kepada situasi sebenar pekerjaan.



# **PERTANDINGAN MYCCSKILLS 2019 BIDANG AUTOMOTIVE TECHNOLOGY PERINGKAT KEBANGSAAN**

22 – 27 SEPTEMBER | KK KELANA JAYA



Pasukan Myccskills 2019 Bidang Automotive KKSP bersama Ketua Program Servis Kenderaan Ringan





# AKTIVITI /PROGRAM



## PERTANDINGAN MYCCSKILLS 2019 BIDANG AUTOMOTIVE TECHNOLOGY PERINGKAT KEBANGSAAN

22 – 27 SEPTEMBER | KK KELANA JAYA



Aktiviti sekitar pertandingan berlangsung





# **PERTANDINGAN MYCCSKILLS**

## **PERINGKAT KEBANGSAAN BIDANG TERAPI KECANTIKAN DAN SPA**



23 – 25 SEPTEMBER | KK KOTA MELAKA

---

←

Tarikh Program: 23-25 September 2019  
Tempat Berlangsung: Kolej Komuniti Kota Melaka  
Pencapaian : Tempat Kedua dan kelima

Kolej Komuniti Sungai Petani telah menyahut cabaran dengan menyertai MYCCSKILL pada tahun 2019. Pelajar telah berjaya meraih pingat perak dan tempat kelima. Kemenangan ini telah menyuntik semangat pelajar untuk terus cemerlang dalam pertandingan seterusnya.



# AKTIVITI /PROGRAM



## PERTANDINGAN MYCCSKILLS PERINGKAT KEBANGSAAN BIDANG TERAPI KECANTIKAN DAN SPA



Peserta Pertandingan  
Dayana dan Aisyah



Para peserta MyCCSkills2019 bidang Terapi Kecantikan dan Spa serta peserta dari  
bidang hospitaliti dari Kolej Komuniti Sungai Petani bersama Pengarah





# STAKEHOLDER

Insert your subtitle here





# MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT KOLEJ BIL 1 TAHUN 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Sungai Petani telah diadakan pada 11 Disember 2019 (Rabu) di Bilik Mesyuarat Anggerik.

Terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang sudi hadir.



# MEDIA @ KKSP





## **Kerajaan prihatin pendidikan pelajar berkeperluan khas**



Turut diadakan Sesi Menandatangani dan Pertukaran Nota Kolaborasi Strategik antara Industri.

## **Kerajaan prihatin pendidikan pelajar berkeperluan khas**

SUNGAI PETANI- Kerajaan sentiasa memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat hak pendidikan formal yang sama dengan pelajar normal.

Exco Pendidikan, Dr Salmee Said berkata, kewujudan pelbagai institusi seperti Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), sekolah vokasional dan institusi kemahiran bertujuan membantu pelajar mendapat kemahiran dan mempersiapkan diri bersaing dalam pasaran.

Menurutnya, pelbagai jenis laluan pendidikan telah disediakan untuk pelajar berkeperluan khas bertujuan bagi mengelakkan keciciran dalam pelajaran

serta meningkatkan motivasi pelajar.

“Selain daripada itu, penguasaan dalam bidang kemahiran juga dilaksanakan mengikut kemampuan pelajar-pelajar ini bagi membolehkan mereka berdikari dan menjalani kehidupan yang lebih berkualiti,” katanya ketika merasmikan Majlis Anugerah Pelajar Pendidikan Khas dan Ramah Mesra Bersama Industri Kolej Komuniti Sungai Petani di The Jerai Hotel semalam.

Dalam majlis berkenaan, 26 pelajar dihargai termasuk Muhammad Afiq Salleh, 19, dan Siti Husna Romli, 17, yang diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas Pelajar Cemerlang.



Turut diadakan Sesi Menandatangani dan Pertukaran Nota Kolaborasi Strategik antara Industri.





## Pelajar kolej komuniti ke Abilympics dunia

SUNGAI PETANI – “Dia tak pernah masak pun di rumah, selalu tolong kawan-kawan baiki motosikal sahaja, makcik pun tak tahu dia ada kemahiran memasak sehingga boleh ke peringkat dunia.”

Demikian luahan Rohana Omar, 53, dari Padang Serai merupakan ibu kepada Muhammad Afiq Salleh, 19, yang merupakan pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani yang berkelayakan ke pertandingan akhir Kemahiran Abilympics Dunia, di Moscow, Rusia tahun hadapan.

Menurut Rohana, selepas mengikuti Sijil Asas Pastrri Pendidikan Khas, anak ketiga daripada lima beradik yang berdepan masalah pembelajaran itu berjaya membuktikan kemampuannya berada di dapur, bukan sahaja ke peringkat kebangsaan namun layak ke luar negara.

Sementara itu, Muhammad Afiq mengakui, dia tidak pernah memasak sepanjang berada di rumah namun bakat dan potensi yang dimiliki dicungkil tenaga pengajar setelah berjaya memasuki beberapa pertandingan dianjurkan seluruh negara.



Muhammad Afiq ketika menerima penghargaan Anugerah Khas Pelajar Cemerlang baru-baru ini.

Beliau telah memenangi pingat emas Cake Decoration Myskill peringkat kebangsaan, pingat perak Halal International Competition dan pingat gangsa dalam Battle of the Chef.

Muhammad Afiq turut menjadi Top 10 Pertandingan California Raisin antara chef di Malaysia, melayakkan diri ke Pertandingan Pra Worldskill, mendapat pingat emas Pertandingan Abilympics seterusnya mewakili negara ke Rusia pada 2020.

Katanya, dia kini sedang membuat persediaan menyertai Pertandingan Halal

Chef Challenge 2019 di Pulau Pinang Mac nanti selain pertandingan anjuran Le Meridian Hotel, Kuala Lumpur atas bimbingan Eksekutif Chef, Budiman Lestari Muhammad.

Dalam majlis meraikan pelajar anjuran kolej itu, Muhammad Afiq diumumkan penerima Anugerah Khas Pelajar Cemerlang sempena Majlis Anugerah Pelajar Pendidikan Khas & Ramah Mesra Bersama Industri.

“Saya harap boleh menang dan bawa nama Malaysia ke peringkat dunia,” katanya.



Muhammad Afiq ketika menerima penghargaan Anugerah Khas Pelajar Cemerlang baru-baru ini.





# SINAR HARIAN | 30 JUN 2019

Selasa | 30 Jun 2020

>> EDISI > UTARA > Raja Gulai Kawah Daging dicari!

## Raja Gulai Kawah Daging dicari!

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA | 12 Julai 2019



Najmiah mengetuai perbincangan sebagai persiapan penganjuran Program Melarik Bintang 27 dan 28 Julai nanti.

SUNGAI PETANI- Pengiktirafan Raja Gulai Kawah Daging secara rawang antara ditunggu-tunggu sempena Program Melarik Bintang di Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) hujung bulan ini.

Pengarahnya, Najmiah Abdullah berkata, pengiktirafan itu akan diberikan kepada pemenang pertandingan sajian praktikal kategori Raja Gulai





Thank You